

09 MAR 1999

DR MAHATHIR DIKUNJUNGI PENGIRAN MUDA MAHKOTA BRUNEI

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima kunjungan Pengiran Muda Mahkota Brunei, Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Ibni Sultan Hassanal Bolkiah di Jabatan Perdana Menteri.

Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah yang tiba di sini Ahad lepas untuk lawatan rasmi telah berbincang mengenai pelbagai isu dengan Dr Mahathir pada pertemuan selama kira-kira 30 minit itu.

Dr Mahathir dan Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah kemudian menghadiri jamuan makan tengah hari di Carcosa Seri Negara.

Sebelum itu, Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah melawat Kementerian Pendidikan di Pusat Bandar Damansara, di sini.

-- BERNAMA

ARA NMO